

Kelantan gesa segera bina tebatan

KOTA BHARU - Pas Kelantan menggesa kerajaan pusat menyegerakan projek tebatan banjir di Sungai Golok, Rantau Panjang yang dijanjikan sekian lama dalam rangka menyelesaikan masalah banjir dan meningkatkan aspek keselamatan penduduk kawasan berkenaan.

Ahli Parlimen Rantau Panjang, Siti Zailah Mohd Yusoff berkata, projek itu merupakan keperluan rakyat Rantau Panjang, yang saban tahun pasti berdepan ancaman banjir sehingga melumpuhkan urusan niaga di kawasan bebas cukai berkenaan.

"Tebatan di mana-mana supaya kerajaan (pusat) buat kajian, yang penting sekarang adalah benteng sungai, ia sangat penting supaya rakyat lebih selamat dan Sungai Golok tidak melimpah sehingga akhirnya melumpuhkan ekonomi peniaga di

Rantau Panjang," katanya demikian ketika mengulas kejadian lemas yang meragut nyawa tiga beradik di Kampung Rahmat Hilir, Rantau Panjang, semalam.

Mengulas lanjut, Siti Zailah yang juga Ketua Dewan Muslimat Pas Pusat berkata, cadangan agar kerajaan mengawal keselamatan dan sempadan negara sudah beberapa kali dibangkitkan di Parlimen dan beliau akan terus membangkitkan isu berkenaan pada persidangan akan datang.

"Saya harap projek tersebut akan mendapat maklum balas positif daripada kerajaan Pusat selari dengan janji Perdana Menteri untuk membina tebatan banjir di negeri ini yang termasuk dalam tujuh janjinya sebelum PRU13 lalu," katanya.

Menurutnya, projek pembinaan

benteng berkenaan sebelum ini pernah disebut dalam Rancangan Malaysia ketujuh (RMK7), sebaliknya sehingga (RMK10) belum ada tanda-tanda projek itu dilaksanakan.

Sambil melahirkan rasa simpati terhadap kejadian menimpa Muhammad Zulhilmi Aziz, 7, Muhammad Shahmi, 6, dan Muhammad Irfan Rahman, 4, yang ditemui lemas selepas dipercayai mandi di Sungai Golok, dekat Kampung Rahmat Hilir, Siti Zailah berkata, kerajaan Pusat sepatutnya peka dengan masalah ini.

"Bukan isu penyeludupan atau isu persempadanan sahaja yang perlu diberi perhatian sebaliknya, aspek keselamatan terutama melibatkan kanak-kanak juga seharusnya menjadi perhatian," katanya.

Mengakui setiap tahun pasti ada

yang menjadi korban sungai itu, Siti Zailah menasihatkan ibu bapa agar lebih peka mengawasi anak-anak dan tidak leka bagi mengelak kejadian tidak diingini.

“Bukan isu penyeludupan atau isu-isu persempadanan sahaja yang perlu diberi perhatian sebaliknya, aspek keselamatan terutama melibatkan kanak-kanak juga seharusnya menjadi perhatian.”

Siti Zailah

